

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

06 APRIL 2019

SABTU



AKHBAR

TAJUK BERITA

M/S

METRO HARIAN

TUTUP KILANG SAWIT

2



METRO HARIAN

PENCEMARAN AMMONIA SUNGAI SAYONG

TUTUP KILANG SAWIT

Mary Victoria Dass
maryvictoria@nstp.com.my

Johor Bahru

Kerajaan negeri mengambil tindakan menutup sebuah kilang sawit yang mencemarkan Sungai Sayong, Kulai dengan sisa ammonia Rabu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal berkata, tindakan tegas itu diambil berikutan pencemaran menyebabkan ribuan penduduk mengalami gangguan bekalan air.

Katanya, pencemaran ammonia dari pusat biokomposit bersebelahan kilang sawit di Sedenak itu akibat ban takungannya pecah dan air mengandungi ammonia mengalir masuk ke Sungai Sayong.

"Kejadian itu menimbulkan kesulitan kepada ramai

kerana mengakibatkan gangguan bekalan air membabitkan ribuan pengguna," katanya dalam sidang media selepas menyempurnakan Program Ekspedisi Penyelidikan Hulu Sungai Chat di sini, semalam.

Dr Sahrudin berkata, beberapa Loji Rawatan Air (LRA) termasuk (LRA) Sayong 1, LRA Sayong 2, LRA Semanggar dan LRA Sungai Johor mula beroperasi na-

mun LRA Tai Hong masih menghentikan kerja memproses air mentahnya.


Menurutnya, pada masa sama, pemantauan standard operasi 60 kilang sawit di negeri ini dilipat ganda sebagai langkah mengelak kewujudannya menyumbang kepada kes pencemaran alam sekitar.

Katanya, pengusaha kilang sawit yang gagal melupuskan sisa pembuangan mengikut standard ditentukan dikenakan tindakan termasuk kompaun dan

operasi syarikat ditutup.

"Kerajaan negeri dengan kerjasama agensi berkaitan sedaya upaya menangani pencemaran yang berlaku dan memantau semua operasi kilang sawit di negeri ini.

"Pada 7 Mac lalu, berlaku pencemaran akibat pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang manakala tiga minggu lalu berlaku pencemaran sisa pepejal dari tapak pelupusan di Sungai Benut dan kini di Sungai Sayong pula," katanya.



DR Sahrudin (duduk, kiri) melepaskan anak ikan sebagai gimik merasmikan Program Ekspedisi Penyelidikan Hulu Sungai Chat, semalam.

